

Guan Eng beri Muhyiddin tujuh hari mohon maaf

Bekas PM diminta tarik balik kenyataan isu batal cukai kepada Yayasan Albukhary

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi DAP, Lim Guan Eng, menghantar surat tuntutan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin, menuntut Presiden BERSATU itu menarik balik kenyataan dan memohon maaf dengan segera berhubung tuduhan mengaitkannya dengan pembatalan cukai kepada Yayasan Albukhary.

Salinan surat tuntutan kepa-

da bekas Perdana Menteri kelapan itu dikongsi Guan Eng yang juga bekas Menteri Kewangan menerusi akaun media sosial miliknya.

Berdasarkan salinan dokumen yang dimuat naik itu, surat berkenaan dihantar kepada Muhyiddin menerusi Tetuan Gouk, semalam.

Mengikut surat tuntutan itu, Muhyiddin didakwa mengaitkan Guan Eng sebagai individu yang bertanggungjawab atas pembatalan cukai kepada yayasan itu menerusi tiga kenyataan berasi-

ngan. Kenyataan itu dikeluarkan Muhyiddin menerusi dua kenyataan media yang disiarkan dalam akaun Facebook pada 10 dan 11 Mac

lalu serta satu kenyataan menerusi sidang medianya selepas ucapan penggulungan Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) BERSATU, pada 12 Mac lalu.

Tuduhan Muhyiddin itu dianggap sebagai fitnah yang amat serius dan bermotifkan politik, selain berniat jahat untuk memburukkan imej Guan Eng.

Berikutan itu, Muhyiddin diberi tempoh tujuh hari bermula semalam, untuk menarik balik kenyataan serta membuat permohonan maaf secara terbuka, selain tidak mengulangi dakwaan.

Jika tuntutan gagal dipenuhi dalam tempoh ditetapkan, Tetuan Gouk bagi pihak Guan Eng, akan memfailkan writ saman bagi memulakan prosiding undang-undang

terhadap Muhyiddin.

Terdahulu, Muhyiddin dalam kenyataan selepas disoal siasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 9 Mac lalu, mendakwa kerajaan Pakatan Harapan (PH) membatalkan pengecualian pembayaran cukai diluluskan kepada yayasan berkenaan.

Muhyiddin berkata, beliau tahu punca Guan Eng yang ketika itu Menteri Kewangan, membatalkan pengecualian cukai diperolehi yayasan sebelum itu.

Isnin lalu, Guan Eng mencajar Muhyiddin mengemukakan bukti mengenai surat pembatalan cukai kepada yayasan berkenaan yang didakwa dikeluarkan beliau atau berdepan tindakan saman fitnah.

Terdahulu, beliau menafikan mengeluarkan sebarang arahan spesifik untuk membatalkan pengecualian cukai yang diberikan kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada yayasan itu.



Lim Guan Eng